

ROSLEY (kanan) menunjukkan patin buah seberat 20kg di Sungai Pahang.



Jaring jerat patin

Oleh RAJA NORAIN HIDAYAH
RAJA ABDUL AZIZ

rnorain@mediaprima.com.my

Pekan

Seorang lelaki tidak menyangka jaring yang dilabuhkan kurang dua minit di Sungai Pahang pagi semalam berjaya memerangkap seekor ikan patin buah seberat 20 kilogram (kg).

Rosley Osman, 34, berkata dia keluar ke sungai berkenaan selepas Subuh bersama anak saudaranya, Mohd Faizal Rusmadi, 14, dan menjaring selama kira-kira empat jam sebelum mengambil keputusan beresah dan keluar bersarapan di bandar ini.

“Dalam tempoh empat jam itu saya hanya berjaya menaikkan kira-kira 13 ikan pelbagai jenis yang rata-ratanya mempunyai berat sekitar satu hingga dua kilogram saja.

“Kira-kira jam 11 pagi ia itu selepas kami bersarapan,

saya turun semula ke sungai dan memasang jaring namun tidak sampai dua minit saya melihat ekor ikan berkenaan tersangkut di jaring dan terus menangkapnya,” katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Temai Hilir, di sini, semalam.

Menurutnya, pada mulanya dia menyangka ikan yang terperangkap di jaringnya adalah jenis baung kerana sebelum itu dia ada melihat kelibat ikan berkenaan di kawasan sekitarnya.

Namun, dia terkejut apabila sebaik saja dinaikkan ke atas bot ikan berkenaan adalah jenis patin buah yang sememangnya menjadi pilihan penggemar ikan patin.

“Saya terpaksa meminta bantuan anak saudara saya untuk menaikkan ikan berkenaan ke atas bot kerana ia terlalu berat selain agresif ketika ditangkap.

“Saya anggap ia adalah rezeki saya hari ini (semalam) kerana sejak pulang ke kampung semalam (kemarin) saya sudah turun ke sungai bagi menjaring ikan untuk diberikan kepada rakan-rakan,” katanya yang bekerja sebagai Pembantu Pertanian di Universiti Putra Malaysia (UPM) Serdang.

Katanya, sebelum ini dia pernah menaikkan patin jenis sama, kira-kira lima tahun lalu namun hanya mempunyai berat sekitar 18 kg saja.

Rosley berkata, dia mengambil keputusan untuk menjual patin buah yang ditangkap itu kepada seorang pemilik restoran makanan Cina dengan harga RM400.

Katanya, kebiasaannya pemilik restoran makanan Cina begitu berminat dengan patin buah kerana isinya lebih sedap dan manis.

FAKTA

Jual patin kepada restoran Cina dengan harga RM400